



## Peraturan Rasmi Pertandingan Dana Airbnb Unik

NOTIS (14 April 2020): Mengikut berita yang sedang berkembang mengenai COVID-19, kami memikirkan dengan sungguh-sungguh tentang cara terbaik untuk mengutamakan kesihatan dan keselamatan peserta, serta menyokong kemampuan untuk mematuhi peraturan berkaitan dengan tempat-tempat perlindungan tempatan yang ada dan peraturan jarak sosial yang ditegaskan di seluruh dunia. Walaupun kami akan terus mengkaji kebolehlaksanaan global untuk melaksanakan usaha Dana Airbnb Unik, kami telah memutuskan untuk menangguhkan Dana ini pada masa ini dan diharapkan dapat membuka semula penyertaan pada tahun 2021. Sila semak semula untuk sebarang kemas kini dan terima kasih atas kefahaman anda.

---

Kali Terakhir Dikemas kini: 10 Mac 2020

TIADA PEMBELIAN ATAU PEMBAYARAN DIPERLUKAN UNTUK MENYERTAI ATAU MEMENANGI PERTANDINGAN. PEMBELIAN ATAU PEMBAYARAN TIDAK AKAN MENINGKATKAN PELUANG ANDA UNTUK MENANG. NASIB DAN PELUANG TIDAK BERPERANAN DALAM PERTANDINGAN INI. PERTANDINGAN INI BUKAN PERCUBAAN UNTUK TUJUAN MENDAPATKAN PEKERJAAN DENGAN AIRBNB.

Apabila anda menyertai Pertandingan ini, anda bersetuju dengan terma ini ("**Peraturan Rasmi**"). Sila lihat bahagian "Tafsiran dan Pertikaian" di bawah untuk maklumat tentang undang-undang dan bidang kuasa berkenaan yang mentadbir Peraturan Rasmi ini. Jika Kami menyediakan terjemahan Peraturan Rasmi ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai jika terdapat apa-apa yang tidak konsisten.

**Penaja:** "Airbnb" ialah penaja Pertandingan ini dan menawarkan Pertandingan Dana Airbnb Unik ("**Pertandingan**"). Untuk tujuan Peraturan Rasmi ini dan yang berkaitan dengan perlindungan data, entiti Airbnb yang berkaitan adalah berdasarkan Negara/Rantau Tempat Tinggal anda:

- Jika Negara/Rantau Tempat Tinggal anda ialah Amerika Syarikat, anda berkontrak dengan Airbnb, Inc., 888 Brannan Street, 4th floor, San Francisco, CA 94103, United States.
- Jika Negara/ Rantau Tempat Tinggal anda ialah Republik Rakyat China (untuk tujuan Terma Pemilihan ini tidak merangkumi Hong Kong, Macau dan Taiwan) (selepas ini "**China**"), anda berkontrak dengan Airbnb Internet (Beijing) Co., Ltd. ("**Airbnb China**").
- Jika Negara/Rantau Tempat Tinggal anda ialah Jepun, anda berkontrak dengan Airbnb Global Services Limited ("**Airbnb GSL**").
- Jika Negara/ Rantau Tempat Tinggal anda di luar Amerika Syarikat, China dan Jepun, anda berkontrak dengan Airbnb Ireland UC ("**Airbnb Ireland**"), The Watermarque Building, South Lotts Road, Ringsend, Dublin 4, Ireland.

Pertandingan ini tidak sama sekali ditaja, disokong atau ditadbir oleh, atau dikaitkan dengan mana-mana platform media sosial (termasuk tanpa had Facebook, Instagram, Snapchat,



Twitter, TikTok atau YouTube). Anda dengan ini melepaskan semua platform media sosial daripada mana-mana dan sebarang liabiliti setakat maksimum yang dibenarkan oleh undang-undang. Sebarang pertanyaan, komen atau aduan mengenai Pertandingan ini mesti diarahkan ke Airbnb sahaja, dan TIDAK kepada mana-mana platform media sosial.

**"Negara/Rantau Tempat Tinggal"** ditentukan oleh pemilihan anda yang dinyatakan dengan jelas dalam Permohonan anda (seperti yang ditakrifkan di bawah), yang boleh disahkan oleh Airbnb, atau oleh penilaian tempat tinggal Anda oleh Airbnb dengan menggunakan pelbagai atribut data yang dikaitkan dengan pelayar atau alamat IP Anda. Jika anda menukar Negara/Rantau Tempat Tinggal anda, syarikat Airbnb yang berkontrak dengan anda akan ditentukan oleh Negara/Rantau Tempat Tinggal baharu anda seperti yang dinyatakan di atas, dari tarikh Negara/Rantau Tempat Tinggal anda berubah.

### **Pertandingan**

Airbnb telah menubuhkan dana yang khusus untuk merealisasikan idea ruang perkongsian rumah/penyenaraian yang kreatif, luar biasa dan unik bagi mereka yang berhasrat untuk menjadi hos Airbnb dan penggemar reka bentuk. Matlamat Pertandingan ini adalah untuk mengenal pasti, melalui proses permohonan dan penilaian, sepuluh (10) orang (setiap individu "**Pemenang**"; secara kolektif, "**Pemenang**") yang akan menerima ganjaran wang sebanyak USD100,000 ("**Hadiah**"). Tujuan utama Hadiah adalah untuk membolehkan setiap Pemenang menjalankan rancangan mereka untuk mencipta ruang unik di kediaman mereka atau di harta tanah mereka, dengan niat bahawa apabila lengkap, tetamu akan berpeluang untuk mengalami ruang tersebut dengan menempahnya di Airbnb ("**Ruang**"). Bayaran Hadiah akan diberikan kepada Pemenang dalam tiga (3) fasa sebanyak kira-kira USD33,333 apabila mereka menyiapkan tahap pencapaian tema, reka bentuk dan pembinaan secara individu, dengan jumlah bayaran USD100,000 yang akan diberikan kepada Pemenang yang menyiapkan semua tahap pencapaian tema, reka bentuk dan pembinaan (seperti yang lebih dinyatakan sepenuhnya di bawah).

Individu yang layak ("**Peserta**"/"**Anda**"), yang pada setiap masa mematuhi syarat-syarat kelayakan yang dinyatakan di bawah, boleh menyertai Pertandingan dari 12:00 pagi Waktu Standard Timur ("**EST**") (06:00 pagi Waktu Eropah Tengah ("**CET**")) pada 10 Mac 2020 hingga 11:59 malam EST pada 15 April 2020 (5:59 pagi EST pada 16 April 2020) dengan mengikuti proses yang dinyatakan di bawah. Entri mesti diserahkan dengan mengikuti proses yang dinyatakan dalam Peraturan Rasmi ini dan diterima selewat-lewatnya pada masa Pertandingan ditutup untuk layak. Entri yang diterima selepas 11:59 malam EST pada 15 April 2020 (5:59 pagi EST pada 16 April 2020) atau diserahkan melalui sebarang cara lain tidak akan dipertimbangkan dan akan diketepikan secara automatik.

### **Hadiah**

Seramai sepuluh (10) Peserta akan dipilih untuk menerima Hadiah. Setiap Pemenang akan menerima ganjaran wang sebanyak USD100,000, tertakluk kepada syarat pengagihan Hadiah yang disenaraikan di bawah, dan kurang sebarang cukai yang perlu ditahan di Negara/Rantau



Tempat Tinggal Pemenang. Melainkan Airbnb dikehendaki oleh Negara/Rantau Pemenang untuk menahan dan membayar jumlah penahanan cukai pendapatan yang dikenakan terhadap Hadiah, Pemenang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang cukai (pendapatan dan penahanan) yang berkaitan dengan penerimaan dan penggunaan Hadiah dan Pemenang harus mengambil kira perkara ini apabila merancang bajet untuk Ruang tersebut. Pemenang harus memastikan untuk mendapatkan perkhidmatan perunding cukai. Airbnb tidak akan bertanggungjawab atas sebarang cukai atau sumbangan sosial berkaitan yang mungkin perlu dibayar dan berkaitan dengan Hadiah jika ia tidak perlu ditahan oleh Airbnb seperti yang dinyatakan di atas.

Syarat pengagihan hadiah bertujuan untuk memastikan bahawa semua dana dimanfaatkan untuk tujuan penciptaan Ruang. Pengagihan Hadiah akan dilakukan dalam tiga (3) fasa:

- **Fasa Reka Bentuk Tema:** Setiap Pemenang akan menerima USD33,334 pada atau sebelum 15 Jun 2020 untuk digunakan dalam merancang reka bentuk dan membina Ruang. ("**Bayaran Tahap Pencapaian Pertama**").
- **Fasa Pembangunan Reka Bentuk:** Pemenang yang memenuhi syarat pengagihan yang disenaraikan di bawah dan pada tarikh selewat-lewatnya pada 15 Ogos 2020, akan menerima bayaran tahap pencapaian kedua sebanyak USD33,333 ("**Bayaran Tahap Pencapaian Kedua**"). Untuk menerima Bayaran Tahap Pencapaian Kedua, Pemenang mesti menyediakan dokumentasi dalam bentuk video, gambar atau penjelasan bertulis yang menunjukkan bahawa cetak biru luaran dan dalaman Ruang dan/atau reka bentuk struktur telah dilengkapkan ("**Bahan Tahap Pencapaian Kedua**"). Butiran khusus Bahan Tahap Pencapaian Kedua yang diperlukan akan diberikan kepada Pemenang oleh Airbnb.
- **Fasa Dokumentasi Pembinaan:** Pemenang yang memenuhi syarat pengagihan yang disenaraikan di bawah dan pada tarikh selewat-lewatnya pada 15 Oktober 2020, akan menerima bayaran tahap pencapaian ketiga dan terakhir sebanyak USD33,333 ("**Bayaran Tahap Pencapaian Ketiga**"), berjumlah ganjaran Hadiah penuh sebanyak USD100,000. Untuk menerima Bayaran Tahap Pencapaian Ketiga, Pemenang mesti menyediakan dokumentasi dalam bentuk resit, video, gambar dan penjelasan yang menunjukkan bahawa binaan dan hiasan luaran dan dalaman Ruang telah dilengkapkan ("**Bahan Tahap Pencapaian Ketiga**"). Butiran khusus Bahan Tahap Pencapaian Ketiga yang diperlukan akan diberikan kepada Pemenang oleh Airbnb.

Hadiah TIDAK termasuk perkara berikut, semuanya mesti disediakan oleh Pemenang:

- Perlindungan insurans (contohnya insurans pemilik rumah, insurans pembinaan atau bangunan).
- Bantuan dengan pemerolehan sebarang atau semua harta, bahan, permit, kelulusan, arkitek, pereka bentuk, kontraktor, atau aspek lain yang mungkin diperlukan untuk melengkapkan mana-mana aspek Ruang.

Sebagai Pemenang, penggunaan Hadiah Anda akan terhad kepada tujuan reka bentuk, pengubahsuaian semula, dan/atau membina Ruang. Selain itu, sebagai Pemenang, Anda



bersetuju untuk menjadikan Ruang ini tersedia secara eksklusif, dengan bayaran pasaran adil, di platform Airbnb untuk tempoh tidak kurang daripada dua belas (12) bulan selepas Ruang dilengkapkan.

Segala risiko daripada penyertaan Pertandingan dan/atau penyertaan dalam Hadiah ini ditanggung oleh setiap Pemenang sendiri. Dengan menyertai Pertandingan, Peserta dapat mengambil bahagian dalam Hadiah ini dan untuk menjalankan aktiviti ini, dan mematuhi kekangan masa di bahagian “Hadiah” di atas.

Hanya Pemenang yang akan berhak untuk mendapat Hadiah, tertakluk kepada pematuan Peraturan Rasmi ini. Tiada penggantian atau pemindahan Pemenang dibenarkan. Keadaan yang tidak dijangka atau berubah yang menjejaskan keupayaan atau ketersediaan Pemenang untuk mengambil bahagian dalam Pertandingan atau memenuhi syarat yang diperlukan untuk menyertai Pertandingan akan mengakibatkan pembatalan kelayakan. Jumlah nilai Hadiah adalah kira-kira USD100,000 (atau setara dalam mata wang tempatan). Perbezaan antara anggaran dan nilai Hadiah sebenar tidak akan diberikan.

### **Kelayakan**

Peserta mesti merupakan individu berumur dewasa mengikut undang-undang di bidang kuasa kawasan tempat tinggal mereka (dan sekurang-kurangnya berumur lapan belas (18) tahun atau lebih) dan di mana salah satu daripada tempat berikut merupakan Negara/Rantau tempat tinggal mereka: Afrika Selatan, Argentina, Austria, Australia, Belanda, Belgium, Chile, tanah besar China, Denmark, Hong Kong, Ireland, India, Jepun, Jerman, Kanada tidak termasuk Rantau Quebec, Korea Selatan, Malaysia, Mexico, New Zealand, Norway, Perancis, Portugal, Rusia, Singapura, Sepanyol, Sweden, Switzerland, Taiwan, Thailand, UK dan AS. **Jika anda bukan penduduk salah satu Negara/Rantau ini, Anda tidak layak untuk menyertai atau mengambil bahagian dalam Pertandingan.**

Selain itu, untuk layak menyertai Pertandingan, Peserta mesti memenuhi semua syarat-syarat berikut:

1. Boleh bertutur dalam Bahasa Inggeris sekurang-kurangnya pada tahap pertengahan (perbualan);
2. Merupakan pemilik harta tanah persendirian yang memiliki, atau dengan keupayaan untuk mendapatkan pemilikan, semua permit dan kelulusan bangunan dan/atau pembinaan (jika diperlukan di tempat Anda); dan
3. Bersetuju untuk mendapatkan dan mengekalkan perlindungan insurans yang sesuai untuk melindungi pengubahsuaian, membina, dan/atau pembinaan Ruang.

Golongan berikut tidak layak untuk menyertai Pertandingan: pengarah, pegawai, pekerja, kontraktor bebas, pengiklan dan ejen Airbnb, termasuk anak-anak syarikat atau gabungan (secara kolektif dengan Airbnb, “**Pihak yang Dilepaskan**”), dan ahli-ahli keluarga terdekat mereka (termasuk tanpa had kepada suami/isteri, pasangan, rakan serumah, anak-anak, ibu bapa, saudara saudara, datuk nenek, dan cucu, tidak kira di mana mereka tinggal) atau isi rumah, sama ada terdapat pertalian darah atau tidak.

### **Cara untuk menyertai pertandingan**



Untuk menyertai Pertandingan, Anda perlu:

1. Lawati halaman <https://www.airbnb.com/uniquefund> ("Laman Web");
2. Klik butang "Mohon sekarang";
3. Terima Peraturan Rasmi ini; dan
4. Lengkapkan dan hantar borang permohonan dengan memberikan semua butiran peribadi dan hubungan yang diperlukan, menghantar karangan peribadi, dan menjawab semua soalan wajib dalam Bahasa Inggeris ("**Entri**").

Anda hanya boleh memenangi satu Hadiah. Peserta Berbilang tidak dibenarkan berkongsi alamat e-mel yang sama. Sebarang percubaan oleh mana-mana Peserta untuk mendapatkan lebih daripada bilangan Penyertaan yang dinyatakan dengan menggunakan alamat e-mel, identiti, akaun dan log masuk yang berbilang/berbeza, atau sebarang kaedah lain akan membatalkan Penyertaan Peserta dan menyebabkan Peserta tersebut tidak layak untuk menyertai Pertandingan. Penggunaan mana-mana sistem automatik untuk menyertai Pertandingan adalah dilarang dan akan mengakibatkan kelayakan terbatal.

Anda menyatakan bahawa Anda berumur sekurang-kurangnya lapan belas (18) tahun pada masa Anda menyertai Pertandingan dan tinggal di Negara/Rantau Tempat Tinggal yang layak. Dengan menyertai Pertandingan, Anda bersetuju bahawa Pemenang akan dipilih daripada semua Penyertaan lengkap yang diterima daripada Peserta. Peserta mengakui bahawa, jika dipilih, hak Anda ke atas Hadiah ini adalah secara individu.

Melainkan sekiranya berlaku (i) kecuaiian melampau atau niat dengan sengaja oleh Airbnb atau (ii) Airbnb telah melanggar kewajipannya sama ada daripada segi undang-undang atau kontrak atau (iii) jika dilarang oleh undang-undang: Pihak yang Dilepaskan tidak bertanggungjawab untuk (a) Entri, e-mel atau surat yang hilang, lewat, tidak lengkap, rosak, tidak tepat, palsu, dicuri, ditangguhkan, salah hala, tidak dihantar, atau tidak jelas; (b) masalah komputer atau rangkaian, masalah dengan pelayan, masalah dengan akaun e-mel; (c) kegagalan menerima mana-mana Entri atas sebarang sebab yang di luar kawalan yang munasabah; atau (d) untuk sebarang kesilapan lain yang berkaitan dengan Pertandingan, sama ada mekanikal, teknikal, rangkaian, pencetakan, taipografi, manusia, atau sebaliknya, termasuk kesilapan pentadbiran atau masalah yang menjejaskan pentadbiran Pertandingan, pemprosesan atau penyemakan Entri, pengumuman Hadiah atau Pemenang, atau dalam mana-mana bahan yang berkaitan dengan Pertandingan.

Anda telah memberi dan akan memberikan representasi tertentu dan jaminan kepada Airbnb semasa menyertai Pertandingan, yang ketepatan dan kebenarannya yang digantung oleh Airbnb dalam mentadbir Pertandingan dengan sempurna. Sekiranya Airbnb menyedari bahawa ada sebarang penipuan, tipu daya atau tindakan serupa berkaitan dengan Pertandingan atau sebaliknya, atau sebarang tindakan atau petinggalan yang Airbnb anggap mungkin memberi kesan buruk kepada Pertandingan atau reputasi Airbnb, Airbnb berhak atas budi bicara mutlak Airbnb, tanpa notis kepada Anda dan/atau tanpa memberikan sebab, untuk membatalkan kelayakan Entri Anda dalam Pertandingan.

### **Pentadbiran Pertandingan dan Pemilihan Entri**



Pemenang akan dipilih oleh panel ("**Panel Pengadil**") yang terdiri daripada tiga (3) ahli ("**Pengadil**").

Calon Pemenang, bersama-sama lima (5) pemenang simpanan ("**Pemenang Simpanan**"), akan dipilih sepenuhnya berdasarkan merit, berasaskan kriteria yang dinyatakan di bawah ("**Kriteria Pemilihan**"):

- 25% Kreativiti: Penilaian elemen ini termasuk tetapi tidak terhad kepada kreativiti dan keunikan reka bentuk.
- 25% Kebolehlaksanaan: Penilaian elemen ini termasuk tetapi tidak terhad kepada, sama ada reka bentuk boleh dilaksanakan daripada segi kewangan dan/atau logistik, dan sama ada projek ini boleh disiapkan dalam tempoh masa yang diperlukan dan bajet yang dicadangkan.
- 25% Kemampanan: Penilaian elemen ini termasuk tetapi tidak terhad kepada, penggabungan atribut mampan alam sekitar dalam reka bentuk dan pertimbangan yang mengimbangi kebimbangan alam sekitar.
- 25% Kebaikan Sosial: Penilaian elemen ini termasuk tetapi tidak terhad kepada, sumbangan Ruang yang dicadangkan kepada kebaikan sosial komuniti dan/atau bakal tetamu.

Untuk menilai Kriteria Pemilihan, permohonan Peserta mesti menunjukkan perkara berikut dengan tepat:

1. Peserta merupakan pemilik harta persendirian dan sama ada:
  - mempunyai penyenggaraan sedia ada di Airbnb yang memerlukan kerja pengubahsuaian yang boleh dilengkapkan dengan menggunakan Hadiah;
  - mempunyai projek penambahbaikan yang sedang berlangsung di mana Hadiah akan membantu sewajarnya untuk membangunkan kualiti unik harta tanah atau ruang dan menyiapkan projek tersebut, atau
  - pada masa permohonan, mempunyai rancangan untuk ruang unik yang hanya pada tahap idea dan Hadiah akan mencukupi untuk memastikan projek ini dilengkapkan.
2. Cadangan reka bentuk yang:
  - menggabungkan unsur dan ciri-ciri reka bentuk yang sangat unik;
  - menggabungkan bentuk atau gaya yang luar biasa dan/atau tidak dijangka;
  - menggabungkan unsur yang sedar dan mampan alam sekitar;
  - diilhamkan oleh objek, haiwan, atau tempat biasa yang mudah dikenali dan menarik; dan/atau
  - termasuk reka bentuk dalaman yang mencerminkan estetika reka bentuk luaran (contohnya, jika bahagian luaran menyerupai kentang, maka reka bentuk dalaman termasuk dinding yang kelihatan seperti kanji kentang).
3. Jika dipilih sebagai Pemenang, Peserta secara realistik mampu menjalankan dan melengkapkan Ruang dengan menggunakan Hadiah selewat-lewatnya pada 15 Disember 2020.
4. Peserta telah mendapat atau akan dapat memperoleh, dan telah menerima kelulusan atau akan dapat menerima kelulusan, semua permit pembinaan dan/atau bangunan



- yang diperlukan untuk melengkapkan reka bentuk jika diperlukan dalam bidang kuasa mereka.
5. Peserta bersedia dan boleh memberikan peluang untuk Ruang yang dicadangkan menyumbang kepada kebaikan sosial dengan sama ada membenarkan penginapan amal atau derma.
  6. Jika diminta oleh Panel Pengadil, Peserta bersedia dan dapat menyerahkan pelan reka bentuk, lukisan, contoh, gambar, video dan/atau bahan lain untuk memastikan Panel Pengadil faham idea Peserta secara menyeluruh.

Keputusan Pengadil adalah muktamad dan mengikat. Jika Entri yang kelihatan serupa dihantar oleh Peserta yang berbeza, Hakim akan memilih hanya versi terbaik idea tersebut dengan menggunakan Kriteria Pemilihan ke atas Entri yang dihantar. Sekiranya berlaku seri, Hakim "pemutus seri" tambahan akan menentukan bakal Pemenang daripada Entri yang seri. Melainkan dilarang oleh undang-undang, jika menurut pendapat Panel Pengadil tiada Entri yang sesuai diterima, maka Airbnb boleh membatalkan, melanjutkan, atau mengulang Pertandingan mengikut budi bicara mutlak Airbnb. Kemenangan akan bergantung kepada kemahiran Peserta dalam memenuhi Kriteria Pemilihan. Airbnb tidak akan mendedahkan skor penilaian untuk mana-mana Entri. Penghakiman dianggap berlaku di rantau Amerika Syarikat.

Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkenaan, Airbnb boleh, mengikut budi bicara Airbnb, menjalankan pemeriksaan pengesahan dan latar belakang, yang mungkin termasuk maklumat awam dan/atau jenayah yang Anda berikan kepada Airbnb, dan sebarang unsur lain yang Airbnb mungkin anggap relevan dengan Permohonan Anda kepada Pertandingan. Dengan menyertai Pertandingan, Peserta dengan nyata mengakui dan bersetuju bahawa, jika mereka dipilih sebagai Pemenang, mereka mungkin dikehendaki untuk memberikan maklumat lanjut tentang diri mereka sebelum disifatkan sebagai Pemenang rasmi, contohnya:

1. pengesahan bertulis atau bukti kelayakan, termasuk bukti pasport atau kad ID EU yang sah, Negara/Rantau Tempat Tinggal, dan umur semasa;
2. Bukti tidak ada sebarang kewajipan kontrak yang menyekat atau melarang peserta untuk muncul dalam kandungan media dan pemasaran semasa atau selepas Pertandingan; dan
3. Persetujuan secara bertulis untuk pemeriksaan latar belakang.

### **Pemberitahuan/Syarat dan Pengumuman Pemenang**

Calon Pemenang akan dipilih selewat-lewatnya pada 15 Mei 2020 dan akan dimaklumkan dalam tempoh dua (2) hari kalendar melalui e-mel ke alamat yang diberikan dalam Entri mereka. Calon Pemenang mesti:

1. Membalas e-mel Pemberitahuan Pemenang awal dalam tempoh satu (1) hari selepas e-mel sedemikian dihantar kepada Pemenang;
2. Menandatangani dan mengembalikan pengisytiharan bahasa Inggeris atau affidavit kelayakan (ditentukan mengikut budi bicara Airbnb), pelepasan liabiliti, perjanjian kerahsiaan dan pelepasan publisiti yang membenarkan Airbnb menggunakan nama, imej dan Entri mereka dalam bahan promosi, jika dibenarkan oleh undang-undang,



- semua dalam tempoh masa yang dinyatakan oleh Airbnb.
3. Pemenang mesti memberikan komitmen secara bertulis untuk melengkapkan Ruang dengan cara yang selaras dengan butiran dan bahan yang dikemukakan dalam Entri Pemenang, dan menjalankan pembentukan Ruang mengikut pematuhan semua bangunan dan permit pembinaan bangunan, kod, peraturan dan undang-undang yang berkaitan;
  4. Mendaftar sebagai Hos Airbnb di [www.airbnb.com](http://www.airbnb.com), termasuk bersetuju dengan Terma Perkhidmatan Airbnb ([www.airbnb.com/terms](http://www.airbnb.com/terms)). Membuka akaun dengan [www.airbnb.com](http://www.airbnb.com) dan mendaftar sebagai hos Airbnb adalah percuma; dan
  5. Setelah Ruang dilengkapkan, tawarkan kepada tetamu, termasuk wartawan dan *influencer*, peluang untuk menempah, dan menginap di Ruang ini secara eksklusif di Airbnb selama tidak kurang daripada dua belas (12) bulan selepas Ruang dilengkapkan.

Jika pemberitahuan dikembalikan sebagai tidak dapat dihantar, atau calon Pemenang ditentukan sebagai tidak layak atau gagal mematuhi semua terma dan garis masa mandatori seperti yang dinyatakan dalam Peraturan Rasmi, Airbnb boleh, mengikut budi bicara Airbnb, membatalkan kelayakan Pemenang daripada Pertandingan dan pada masa itu Pemenang Simpanan akan dimaklumkan. Pemenang Simpanan akan dikehendaki untuk mematuhi semua syarat yang dikenakan kepada Pemenang.

Sekiranya berlaku pertikaian tentang identiti Pemenang yang menyertai pertandingan bagi pihak mereka sendiri, Airbnb akan memberikan Hadiah kepada pemegang sah akaun Airbnb dari mana Entri pemenang telah dihantar, asalkan orang itu mematuhi semua syarat kelayakan. Kami mungkin mengumumkan secara terbuka nama dan/atau Negara/Rantau Tempat Tinggal Pemenang dalam masa tiga puluh (30) hari selepas Pertandingan berakhir, termasuk melalui saluran media sosial seperti Twitter (@airbnb) dan Facebook. Pengumuman ini mungkin merangkumi rakaman video, temuduga atau pemberitahuan tentang kemenangan Anda.

Pemenang menyatakan bahawa mereka akan berkelakuan sebagai warga negara yang baik dan mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan semasa memenuhi syarat Pertandingan dan Hadiah, bahawa mereka akan bekerjasama dengan Airbnb, pasukan logistik Pertandingan, dan mana-mana penasihat atau rakan kongsi Pertandingan yang lain, dan bahawa mereka akan tersedia sepanjang proses memenuhi syarat Pertandingan dan Hadiah. Pemenang bersetuju bahawa mereka tidak akan melakukan sebarang perkara yang boleh menjejaskan reputasi Airbnb atau rakan kongsinya melalui sebarang tindakan atau peninggalan. Pemenang mengakui bahawa pelanggaran representasi ini boleh mengakibatkan penamatan penyertaan mereka dalam Pertandingan dengan serta-merta, ketidaklayakan serta-merta untuk menerima sebarang pendedaran Hadiah tambahan, dan/atau pembayaran balik kepada Airbnb sebahagian atau semua Hadiah.

### **Kandungan Yang Dilarang**

Entri atau kandungan yang diserahkan untuk Pertandingan mesti hasil kerja Anda yang asli, tidak diterbitkan sebelum ini, dan tidak boleh melanggar hak mana-mana pihak lain, termasuk tetapi tidak terhad kepada hak harta intelek atau hak privasi, publisiti atau hak moral. Entri **tidak boleh** mengandungi: (i) sokongan atau promosi aktiviti yang salah di sisi





undang-undang atau berbahaya; (ii) bahan berunsur keganasan, tidak senonoh, kasar, lucah, fitnah atau bahan yang menimbulkan bantahan; (iii) bahan lucah; atau (iv) kandungan berunsur fitnah. Airbnb berhak untuk membatalkan kelayakan mana-mana Peserta yang melanggar larangan ini atau mana-mana peruntukan lain daripada Peraturan Rasmi ini, atau yang Entri yang Airbnb putuskan tidak sesuai atas apa-apa sebab oleh Airbnb.

### **Lesen dan Kebenaran**

Dengan menyerahkan Entri, Anda memberikan kepada Airbnb hak dan lesen yang tidak eksklusif, kekal (atau untuk tempoh perlindungan yang diberikan oleh hak harta intelek yang berkaitan), di seluruh dunia, tidak boleh dibatalkan, dibayar sepenuhnya dan tanpa royalti untuk mengubah, mengedit, mengubah suai, menghasilkan semula, mengedar, memberi lesen kecil, menghantar, menerbitkan, menyampaikan kepada orang awam, menyiarkan, melakukan, memaparkan, atau menggunakan Entri dan/atau kandungan anda yang lain yang diserahkan sebagai sebahagian daripada Pertandingan, termasuk tetapi tidak terhad kepada jika Pemenang, Bahan Tahap Pencapaian Kedua dan/atau Ketiga, dan/atau gambar, dan/atau video Anda dan/atau Ruang yang telah disempurnakan (secara kolektif, "**Bahan Pertandingan**"), secara keseluruhan atau sebahagian, dengan atau tanpa pengubahsuaian, dalam apa jua bentuk atau media (termasuk internet, mana-mana media cetakan yang diedarkan melalui akhbar, pengeluaran video, penyiaran bil, tempat jualan pengiklanan titik jualan, risalah, dll.), sama ada sedia ada sekarang atau dibangunkan kemudian, untuk sebarang tujuan, termasuk hiburan, promosi dan/atau pengiklanan. Melainkan jika dilarang oleh undang-undang, Anda bersetuju untuk memihak kepada Airbnb untuk mengetepikan dan tidak menegaskan atau menggunakan sebarang hak moral yang berkaitan dengan Bahan-bahan Pertandingan (termasuk hak untuk dikenal pasti sebagai pencipta Ruang dan hak untuk membantah penghinaan terhadap Entri atau Ruang). Dengan menyertai Pertandingan, Anda menjamin dan memberi jaminan kepada Airbnb bahawa Entri Anda adalah asli seperti yang dirujuk di atas, dan bahawa Anda ada semua hak dan persetujuan yang diperlukan, termasuk kelulusan kawalan pertukaran mata wang jika diperlukan, untuk menyerahkan Bahan Pertandingan dan untuk memberikan kepada Airbnb hak yang dinyatakan dalam Peraturan Rasmi ini, serta mempunyai persetujuan mana-mana orang yang dikenal pasti, digambarkan, atau dirujuk dalam Bahan Pertandingan Anda. Jika dibenarkan oleh undang-undang di dalam bidang kuasa Anda, Anda akan menanggung rugi dan akan memastikan Airbnb dan Pihak Yang Dilepaskan tidak terjejas akibat daripada sebarang pelanggaran peruntukan ini.

Dengan menyertai Pertandingan ini, Anda bersetuju bahawa jika dipilih sebagai Pemenang bahawa Anda boleh dihubungi oleh Airbnb, ejen Airbnb, atau rakan kongsi Airbnb untuk hal yang berkaitan dengan Pertandingan, Hadiah dan/atau Ruang; Anda bersetuju untuk menyediakan dokumen yang diminta secara munasabah untuk menyokong Entri Anda, termasuk borang pelepasan dan persetujuan yang ditandatangani serta dokumen yang berkaitan dengan kelayakan seperti yang dikehendaki oleh Airbnb; Anda memberi Airbnb hak untuk memproses data peribadi Anda menurut Dasar Privasi dan mana-mana terma privasi tambahan yang berkenaan dengan Pertandingan yang Anda sertai; Anda bersetuju untuk mengambil bahagian dalam mana-mana publisiti yang berlaku akibat daripada Pertandingan, Hadiah, dan/atau Ruang; dan Anda bersetuju bahawa Airbnb boleh



menggunakan nama dan/atau nama gelaran Anda dan Anda bersetuju untuk difilemkan, diambil gambar, dan dirakam (termasuk suara, imej, kesamaan, persembahan Anda, dll.) semasa Pertandingan dan/atau pembangunan dan/atau penyelesaian Ruang, termasuk pernyataan Anda tentang Pertandingan, Hadiah, Airbnb dan/atau pengalaman dan pendapat Anda tentang Airbnb dan/atau berkenaan dengan Hadiah, dan bahawa Airbnb boleh menggunakan rakaman tersebut untuk tujuan promosi atau lain-lain dalam mana-mana media dan secara kekal – Pemenang tidak akan mempunyai hak ke atas bahan-bahan tersebut.

### **Pelepasan Liabiliti Am**

Melainkan apa yang dikehendaki oleh mana-mana undang-undang mandatori yang berkenaan, Hadiah akan dirujuk dalam Peraturan Rasmi ini dan setakat maksimum yang dibenarkan oleh undang-undang, disediakan tanpa waranti, syarat atau jaminan yang tersurat atau tersirat. Pertandingan ini mungkin tertakluk kepada undang-undang dan peraturan tempatan mandatori, termasuk undang-undang cukai.

**Pemenang akan dikehendaki untuk melaksanakan perjanjian untuk mengesahkan penerimaan Peraturan Rasmi dan menanggung rugi kepada Airbnb dan Pihak yang Dilepaskan dan mengetepikan dan melepaskan Airbnb dan Pihak yang Dilepaskan daripada liabiliti yang berkaitan dengan kecacatan Pertandingan, Hadiah, dan pembinaan serta reka bentuk yang timbul daripada atau berkaitan dengan Ruang Pemenang.** Airbnb mungkin menghendaki Pemenang menandatangani dan mengembalikan pengisytiharan atau affidavit kelayakan (ditentukan mengikut budi bicara Airbnb), pelepasan liabiliti, perjanjian kerahsiaan dan pelepasan publisiti yang membenarkan Airbnb menggunakan nama, imej dan Entri mereka dalam bahan promosi, jika dibenarkan oleh undang-undang. Penolakan atau ketidakmampuan untuk menandatangani dan mengembalikan sebarang pengisytiharan, affidavit atau dokumen lain yang diminta dan dirujuk dalam Peraturan Rasmi ini dalam tempoh dua (2) hari kalendar selepas penerimaan boleh mengakibatkan pembatalan kelayakan daripada menebus Hadiah ini.

Dengan menyertai Pertandingan, Anda melepaskan Pihak Yang Dilepaskan daripada sebarang liabiliti, atas sebarang teori, dan mengetepikan, setakat maksimum yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkenaan, semua tuntutan dan punca tindakan yang timbul daripada atau berkaitan dengan Pertandingan, pentadbirannya dan/atau pengagihan Hadiah (termasuk sebarang perjalanan atau aktiviti yang berkaitan dengannya). Anda mengakui bahawa Panel Pengadil akan menilai ketulenan reka bentuk dan estetika sahaja. Anda bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan kebolehlaksanaan dan kesesuaian reka bentuk struktur, dan bukan Panel Pengadil, Airbnb, atau Pihak yang Dilepaskan. Namun, tidak ada apa-apa dalam Peraturan Rasmi ini yang mengehadkan atau mengecualikan sebarang liabiliti mana-mana orang atau entiti untuk kematian atau kecederaan peribadi yang disebabkan oleh kelalaian mereka, atau penipuan, atau mana-mana liabiliti lain yang mungkin tidak terhad mengikut undang-undang.

Berkaitan dengan Peserta yang pada asalnya merupakan residen Jerman, Austria dan Belgium, Pelepasan Liabiliti Am berikut terpakai, dan bukan perenggan di atas: Dengan



menyertai Pertandingan ini, Peserta melepaskan Pihak Yang Dilepaskan daripada sebarang liabiliti, atas sebarang teori, dan mengetepikan semua tuntutan dan kausa tindakan yang timbul daripada atau berkaitan dengan Pertandingan, pentadbirannya dan/atau penyertaan dalam Pertandingan.

### **Data Peribadi**

Untuk mentadbir Pertandingan, Airbnb perlu mengumpul, menyemak dan menyimpan data peribadi Anda (cth. nama, butiran hubungan, dan Entri) jika Anda menang ("**Data Peribadi Pertandingan**"). Penyediaan Data Peribadi Pertandingan adalah wajib. Sekiranya Anda gagal untuk memberikan Data Peribadi Pertandingan, Anda tidak akan dapat menyertai Pertandingan atau menebus Hadiah. Tujuan pemprosesan Data Peribadi Pertandingan adalah untuk membolehkan Airbnb melaksanakan kewajipan Kami di bawah Peraturan Rasmi ini.

Airbnb akan memproses Data Peribadi Pertandingan sebagai pengawal untuk melaksanakan kewajipan Airbnb di bawah Peraturan Rasmi ini (termasuk untuk tujuan pentadbiran Pertandingan dan memilih Pemenang) dan, jika dibenarkan oleh undang-undang, untuk kepentingan sah Airbnb. Airbnb boleh berkongsi Data Peribadi Pertandingan dengan Panel Pengadil dan pembekal pihak ketiga untuk tujuan pentadbiran Pertandingan dan Hadiah.

Anda dengan ini mengiktiraf, menerima dan mengesahkan bahawa tujuan, sifat, tempoh dan tahap mana-mana penggunaan data peribadi tersebut diperlukan untuk Airbnb mentadbir Pertandingan, dan oleh itu merupakan syarat Pertandingan yang diperlukan. Selain itu, Anda mengakui bahawa, jika Anda disenarai pendekkan, Airbnb boleh melaksanakan, mengikut budi bicara mutlak Airbnb, pemeriksaan latar belakang dan/atau pengesahan ke atas maklumat yang Anda berikan untuk memastikan atau mengesahkan kelayakan Anda untuk menyertai Pertandingan dan jika berkenaan, untuk menebus Hadiah. Dalam sesetengah bidang kuasa, persetujuan bertulis Anda mungkin diperlukan untuk memproses Data Peribadi Anda. Dalam keadaan ini Airbnb akan meminta persetujuan sedemikian.

Dalam sesetengah keadaan, Airbnb mungkin perlu meminta Anda memberikan kepada rakan kongsi Airbnb atau Airbnb data peribadi tambahan (cth. untuk menunjukkan kecergasan perubatan untuk aktiviti yang berkaitan). Dalam keadaan ini, Airbnb, atau rakan kongsi Airbnb, akan meminta persetujuan Anda untuk memproses data peribadi tersebut, dan jika perlu, untuk berkongsi data peribadi tersebut dengan pembekal pihak ketiga. Jika Anda diminta untuk memberikan data peribadi tambahan sedemikian, data peribadi sensitif ini tidak akan dianggap sebagai Data Peribadi Pertandingan dan akan dikawal sepenuhnya oleh pihak ketiga, bukan oleh Airbnb, dan Airbnb tidak akan mempunyai sebarang akses kepadanya.

Untuk maklumat lanjut tentang cara Airbnb memproses Data Peribadi Anda, tentang tempoh pengekalan data dan hak Pemenang yang berkaitan dengan Data Peribadi mereka, sila lihat dasar privasi Airbnb di [https://www.airbnb.com/terms/privacy\\_policy](https://www.airbnb.com/terms/privacy_policy) yang terpakai kepada Anda sebagai pengguna Airbnb, dan dasar privasi Dana Airbnb Unik di [http://www.airbnb.com/d/unique\\_privacy](http://www.airbnb.com/d/unique_privacy).

## Undang-undang dan Bidang Kuasa Kerajaan

- Jika Anda tinggal di Amerika Syarikat, Peraturan Rasmi ini akan ditafsirkan mengikut undang-undang Negeri California dan Amerika Syarikat, tanpa mengambil kira peruntukan konflik undang-undang. Prosiding kehakiman (selain daripada tindakan tuntutan kecil) mesti dibawa ke mahkamah negeri atau persekutuan di San Francisco, California, melainkan Anda dan Airbnb bersetuju dengan lokasi lain. Anda dan Airbnb bersetuju dengan tempat dan bidang kuasa peribadi di San Francisco, California.
- Jika Anda tinggal di China, Peraturan Rasmi ini akan ditafsirkan mengikut undang-undang China (“**Undang-undang China**”). Sebarang pertikaian yang timbul daripada atau berkaitan dengan Perjanjian ini akan dikemukakan kepada Suruhanjaya Timbangtara Ekonomi dan Perdagangan Antarabangsa China (CIETAC) untuk timbangtara di Beijing yang akan dijalankan mengikut peraturan timbangtara CIETAC yang berkuatkuasa semasa memohon timbangtara, dengan syarat bahawa seksyen ini tidak akan ditafsirkan untuk mengehadkan sebarang hak yang Airbnb mungkin perlu memohon kepada mana-mana mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang kompeten untuk suatu perintah yang menghendaki Anda melakukan atau dilarang daripada melakukan tindakan tertentu dan pelepasan sementara lain yang dibenarkan di bawah Undang-undang China atau mana-mana undang-undang lain yang mungkin terpakai kepada anda. Prosiding timbangtara akan dijalankan dalam Bahasa Inggeris. Keputusan timbangtara yang dijalankan adalah muktamad dan mengikat kedua-dua pihak.
- Jika anda tinggal di negara/rantau di luar Amerika Syarikat dan China, Peraturan Rasmi ini akan ditafsirkan mengikut undang-undang Ireland. Penggunaan Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tentang Kontrak untuk Penjualan Barang-Barang Antarabangsa (CISG) dikecualikan. Pilihan undang-undang tidak memberi kesan kepada hak Anda sebagai pengguna mengikut undang-undang perlindungan pengguna di bidang kuasa Anda. Prosiding kehakiman yang Anda boleh bawa terhadap Airbnb yang timbul daripada atau berkaitan dengan Peraturan Rasmi ini mungkin hanya boleh dibawa ke mahkamah yang terletak di Ireland atau mahkamah yang kompeten di bidang kuasa Anda. Jika Airbnb ingin menguatkuasakan sebarang haknya terhadap Anda sebagai pengguna, ia boleh berbuat demikian hanya di mahkamah yang kompeten di bidang kuasa Anda.

## Bahasa Pentadbiran

Peraturan Rasmi dan bahan pertandingan lain disediakan dalam bahasa Inggeris. Terjemahan daripada Bahasa Inggeris ke dalam bahasa lain disediakan untuk Peserta sebagai ihsan sahaja. Anda bersetuju bahawa prosiding untuk menyelesaikan pertikaian, jika ada, akan dijalankan dalam bahasa Inggeris.

## Pembatalan, penggantungan, pengubahsuaian



Peserta mengakui bahawa, tertakluk kepada undang-undang yang berkenaan dan sebarang kelulusan yang mungkin diperlukan, Airbnb boleh membatalkan, menggantung, mengubah suai atau menamatkan Pertandingan jika Airbnb menganggap bahawa ia perlu atau sesuai dilakukan atas sebab atau keadaan yang di luar kawalan Airbnb yang munasabah. Sebab atau keadaan sedemikian akan merangkumi tetapi tidak terhad kepada: kebakaran, ribut, banjir, gempa bumi, letupan, perang, pencerobohan, pemberontakan, sabotaj, wabak, pertikaian buruh, sebarang tindakan atau tindakan terancam yang membahayakan perjalanan udara dan sebarang perbuatan, atau peninggalan (termasuk undang-undang, peraturan, ketidaksetujuan, atau kegagalan untuk meluluskan) mana-mana orang ketiga (termasuk subkontraktor, pelanggan, kerajaan atau agensi kerajaan). Selain itu, Peserta mengetepikan dan melepaskan Pihak Yang Dilepaskan daripada sebarang dan semua tuntutan dan kausa tindakan yang timbul daripada atau berkaitan dengan sebarang pembatalan, penggantungan, pengubahsuaian atau penamatan sedemikian, setakat yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkenaan.

Pertandingan ini tidak sah jika dilarang. Jika sebarang peruntukan atau sebahagian daripada peruntukan Peraturan Rasmi ini diputuskan oleh mahkamah bidang kuasa kompeten sebagai tidak sah, menyalahi undang-undang, atau tidak dapat dikuatkuasakan, ia akan dianggap telah diubah suai ke tahap minimum yang diperlukan untuk menjadikannya sah, tidak menyalahi undang-undang dan boleh dikuatkuasakan. Jika pengubahsuaian sedemikian tidak boleh dilakukan, peruntukan atau sebahagian daripada peruntukan berkaitan akan dianggap sebagai telah dihapuskan. Sebarang pengubahsuaian kepada atau penghapusan suatu peruntukan atau sebahagian daripada peruntukan di bawah klausa ini tidak akan menjejaskan kesahihan dan kebolehtuakuasaan Peraturan Rasmi yang selebihnya. Setakat tahap maksimum yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkenaan, Airbnb boleh menggantung, mengubah suai, atau menamatkan Pertandingan jika Airbnb percaya, mengikut budi bicara mutlak Airbnb, bahawa kepincangan tugas, kesilapan, gangguan, atau kerosakan atau gangguan akan menjejaskan atau akan menjejaskan pentadbiran, keselamatan, keadilan, integriti, atau pengendalian Pertandingan dengan betul, yang mana dalam keadaan ini Pemenang akan dipilih daripada Entri layak yang diterima dan tidak terjejas oleh masalah tersebut, jika boleh, atau dengan cara yang dianggap adil dan sesuai oleh Airbnb.

### **Terma khusus negara**

Jika Pemenang adalah residen Sweden, mereka mesti memberikan nombor keselamatan sosial mereka jika diminta untuk membolehkan Airbnb memaklumkan Pihak Berkuasa Cukai Sweden.

\*\*\*